

Dua lemas, 2 lagi masih hilang bot dilanggar tongkang

BH 12/8/24 pg 17

Lima pemancing selamat selepas sempit berpaut pada tong plastik

Oleh Rosli Ilham
bhnews@bh.com.my

Chukai: Dua ditemukan lemas, manakala dua lagi termasuk seorang tekong bot hilang selepas bot nelayan yang mereka naiki berlanggar dengan sebuah tongkang, di perairan kira-kira tujuh batu nautika dari Kuala Kema-

man, pagi semalam.

Lima lagi mangsa iaitu tiga lelaki dan dua wanita terbabit dalam kejadian kira-kira jam 6.30 pagi itu ditemui selamat.

Kelima-lima mangsa itu berjaya diselamatkan sebuah bot nelayan lain yang secara kebetulan melalui tempat kejadian.

Dua mangsa yang ditemui masing-masing seorang lelaki dan wanita ditemui sehingga jam 4.30 petang semalam.

Ketua Polis Daerah Kemaman Superintendan Hanyan Ramlan berkata mayat dikenali sebagai Shahril Ismail, 50, ditemukan kira-kira jam 1 petang semalam jarak lima batu dari lokasi kejadian manakala mayat Siti Zai-

mah, 29 ditemukan jam 7 pagi.


Ketika kejadian, semua mangsa berasal dari Gombak Selangor dan Raub Pahang itu dikatakan menyertai aktiviti memancing.

Mereka dikatakan menaiki bot terbabit di Jeti Bukit Kuang Kemaman, kira-kira jam 5 petang semalam sebelum bertolak ke laut untuk memancing.

Kejadian dipercayai berlaku ketika bot terbabit sedang berlabuh untuk memancing sebelum bot dilanggar tongkang terbabit.

Hanyan berkata mangsa berusia antara 23 hingga 70 tahun.

Katanya, mayat mangsa wanita yang ditemui lemas sudah dihantar ke Bilik Forensik Hospital Kemaman.



Anggota Maritim gerakan usaha cari mangsa hilang.

(Foto ihsan APMM)

Mangsa tercampak ke laut

“Kami percaya ketika kejadian, semua mangsa sedang tidur sebelum bot mereka dikatakan dilanggar tongkang terbabit yang menyebabkan mangsa tercampak ke dalam laut.

“Semua mangsa terselamat sempat berpaut pada tong plastik dan barangan yang terapung,” katanya sambil menambah gerakan mencari dan menyelamatkan sedang giat dilakukan.

Sementara itu, Agensi Penguatkuasaan Maritim (Maritim Malaysia) menggerakkan pesawat dalam Operasi Mencari dan Menyelamat (CARILAMAT) un-

tuk mencari tiga lagi pemancing yang masih hilang.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Ariffin Ghazali, berkata pihaknya sedang mengatur gerak pesawat bagi membantu operasi pencarian mangsa sekitar tempat kejadian.

Katanya, setakat ini, sebuah bot sudah digerakkan ke lokasi kejadian jam 8.40 pagi bagi membantu pencarian itu.

“Operasi pencarian mangsa di-khuatiri hilang itu turut disertai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), polis serta nelayan tempatan,” katanya.